



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 14/2011 (3 hingga 9 April 2011)

Sepanjang minggu ke-14 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 3 hingga 9 April, sejumlah 356 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 20 kes atau 6% berbanding 336 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat enam buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 52 kes (46%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 6 kes (20%), Perak 5 kes (23%), Melaka 3 kes (75%), Perlis 1 kes (100%) dan Johor meningkat sebanyak 1 kes (3%) (Lampiran A).

Bermula dari Januari hingga 9 April 2011 sebanyak 5,852 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 58% atau 8,014 kes berbanding dengan 13,866 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 81% atau 38 kematian, di mana terdapat 9 kematian bagi tahun 2011 berbanding 47 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, tiada lokaliti *hotspots* dilaporkan, ini merupakan minggu pertama sejak 7 September 2009 yang mana tiada lokaliti wabak yang berlarutan sehingga melebihi satu bulan. Ini adalah hasil usaha gigih masyarakat dalam memastikan kawasan

mereka bersih dan tiada pembiakan Aedes. Tidak dapat dinafikan peranan masyarakat dalam mengurangkan tempat pembiakan Aedes merupakan elemen utama dalam pencegahan Denggi. Dalam memperkasakan tindakan masyarakat ini, sebanyak 1,850 projek COMBI telah ditubuhkan dengan 26,802 orang sukarelawan telah dilatih. Penyertaan yang berterusan dari masyarakat ini amat diperlukan oleh KKM dalam pencegahan penyakit ini.

Daripada pemantauan pihak KKM juga menunjukkan 68% pembiakan nyamuk Aedes adalah di luar premis iaitu terdiri daripada tayar (27%), bekas plastik (19%), baldi (10%), tin-tin kosong (10%) dan kanvas (10%). Oleh itu, masyarakat juga diminta membersihkan kawasan persekitaran masing-masing dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes seminggu sekali. Bagi bekas takungan air yang sukar dikosongkan atau tidak boleh ditutup, gunakan bahan pembunuh jentik-jentik nyamuk (Abate) untuk memastikan takungan air tersebut tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Bagi Penyakit Chikungunya, terdapat 1 kes dilaporkan untuk tempoh 3 hingga 9 April 2011, iaitu berlaku di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 525 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

11 April 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2011
(3 hingga 9 April 2011)**

| Bil. | Negeri | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan | | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 14/2011 | Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 14/2010 |
|------|------------------|---------------------------------------|--------------------------------------|-----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| | | Minggu 14 (3 – 9 April 2011) | Minggu 13 (27 Mac – 2 April 2011) | | |
| 1 | Perlis | 1 | 0 | 20 | 37 |
| 2 | Kedah | 3 | 4 | 140 | 155 (2) |
| 3 | P. Pinang | 23 | 34 | 492 (1) | 326 (2) |
| 4 | Perak | 27 | 22 | 387 | 477 (1) |
| 5 | Selangor | 164 | 112 (1) | 2,061 (2) | 6,540 (25) |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 36 | 30 | 433 | 1,530 (2) |
| 7 | N. Sembilan | 17 | 17 | 196 | 615 (1) |
| 8 | Melaka | 7 | 4 | 148 | 128 (2) |
| 9 | Johor | 31 | 30 | 607 (4) | 812 (3) |
| 10 | Pahang | 14 | 17 | 341 (1) | 370 (1) |
| 11 | Terengganu | 6 | 30 | 289 (1) | 285 |
| 12 | Kelantan | 10 | 17 | 226 | 298 (1) |
| 13 | Sarawak | 11 | 13 | 339 | 1,689 (6) |
| 14 | Sabah | 6 | 6 | 168 | 597 (1) |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 5 | 7 |
| | MALAYSIA | 356 | 336 (1) | 5,852 (9) | 13,866 (47) |

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2011
(3 hingga 9 April 2011)**

| Bil | Negeri | Bilangan Kes | | Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 14/2011 | Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 14/2010 |
|-----|------------------|-------------------------------------|---------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| | | Minggu 14 (3 – 9 April 2011) | Minggu 13 (27 Mac – 2 April 2011) | | |
| 1 | Perlis | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Kedah | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | P. Pinang | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 4 | Perak | 0 | 0 | 2 | 3 |
| 5 | Selangor | 0 | 1 | 1 | 14 |
| 6 | WPKL & Putrajaya | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | N. Sembilan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Melaka | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 9 | Johor | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 10 | Pahang | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 11 | Terengganu | 0 | 0 | 0 | 1 |
| 12 | Kelantan | 0 | 0 | 0 | 2 |
| 13 | Sarawak | 0 | 0 | 1 | 486 |
| 14 | Sabah | 1 | 0 | 8 | 8 |
| 15 | WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 7 |
| | MALAYSIA | 1 | 2 | 14 | 525 |